

17/02/1997

Keinsafan menentukan kejayaan

Sut

SEMPENA hari baik bulan baik ini, kita mengambil kesempatan mengucapkan selamat Aidilfitri kepada seluruh pembaca ruangan ini.

Kita juga mengucapkan selamat Tahun Baru kepada masyarakat Cina yang menyambut tahun baru hampir serentak dengan Aidilfitri.

Jika kita renung dan fikirkan dengan hati yang tenang, kita akan dapati hampir serentaknya kedua-dua hari raya itu tentulah ada manfaat dan hikmahnya. Manfaat dan hikmah yang mudah kita lihat ialah berhubung dengan keharmonian kaum di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan hari rayanya, dengan jelas menekankan betapa pentingnya keharmonian ini dijaga. Oleh yang demikian, sebagaimana kata Perdana Menteri, kita kunjung-mengunjungi jiran kita yang bukan beragama Islam bukan kerana agama, melainkan kerana mereka itu tidak memusuhi kita dan menjadi jiran kita dan dalam waktu yang sama oleh sebab keharmonian itu maka kehidupan kita tidak sebagaimana di sesetengah negara lain, walaupun sama seagama mereka bukan saja tidak boleh bekerja dengan selesa malah hendak beribadat pun sukar kerana permusuhan dan peperangan yang berlanjutan.

Cuma kita agak sedih kerana tidak ramai yang merenungi manfaat yang kita dapat dengan rasa syukur dan oleh kerana itu, oleh sebab kemewahan yang kita nikmati, kita menjadi tidak sopan di jalan raya kita memandu tidak mengikut undang-undang.

Oleh yang demikian, bukan saja harta-benda rugi, banyak nyawa terkorban. Dan ini bukanlah sekali dua berlaku malah setiap musim perayaan angka kemalangan meningkat. Begitu juga angka kematian.

Sebagaimana kata Perdana Menteri, kita mudah menyalahkan orang lain dan tidak mahu melihat kealpaan dan kelalaian kita sendiri. Kita mudah menyalahkan takdir dengan tidak memperhitungkan usaha kita manusia.

Dalam banyak tindakan kita, oleh kerana kita terlalu mementingkan diri sendiri, oleh kerana kita terlalu bangga dengan kejayaan, seolah-olah orang lain tidak berjaya, seolah-olah orang lain tidak berguna, kita menjadi megah dan takbur dan oleh kerana kemegahan dan kesombongan itu, jika di jalan raya kita tidak mengikut undang-undang jalan raya.

Begitu juga jika di tempat lain, dalam tindakan lain dalam kehidupan seharian, kita pun tidak mempedulikan apa pun sehingga mala petaka menimpa kita.

Umat Islam baru saja melalui bulan ibadat selama sebulan berpuasa. Kita mengharapkan selepas sebulan berpuasa, setiap orang akan insaf dan sedar bahawa tidak ada yang besar dan megah, tidak ada yang berkuasa dan mulia melainkan Allah. Kita manusia ini pada awalnya hanya seketul darah dan apabila kita mati, seluruh jasad kita akan hancur menjadi tanah.

Sebagai yang dibuktikan oleh sejarah dan pengalaman lalu kita sama ada pengalaman lalu sebagai peribadi, atau sebagai sebuah masyarakat atau sebuah negara, keinsafan dan kesedaran yang tinggi menyebabkan kita berjaya dalam semua lapangan kehidupan kita.

Dalam politik, oleh kerana kita sedar dan insaf struktur masyarakat kita yang sedemikian, kita sedar bahawa jika tidak ada keharmonian antara individu masyarakat yang mendiami tanah ini, kita tidak mungkin berjaya, semua individu dan masyarakat mengambil satu sikap toleransi untuk faedah bersama supaya setiap orang boleh mencari makan dengan selesa di negara yang tercinta ini.

Pengalaman sejarah dalam bidang ekonomi kita juga demikian. Oleh kerana

kita sedar bahawa ekonomi kita lemah, maka kita telah berusaha dengan sedaya upayanya melalui kebijaksanaan kepemimpinan yang ada menyebabkan kita berjaya pada hari ini. Tetapi sebagaimana yang kita ingatkan pada awal-awal lagi, janganlah oleh kerana kita telah berjaya kita lupa dan lalai kerana kejayaan kita itu juga mesti dipertahankan.

Begitu juga keharmonian kaum yang ada di negara kita ini juga mesti dipertahankan. Jika kita silap mengambil kebijaksanaan, keharmonian itu akan lenyap dan apabila keharmonian lenyap maka yang ada adalah huru-hara dan kacau-bilau. Apabila huru-hara dan kacau-bilau maka janganlah kita mengharapkan kita boleh hidup sebagaimana yang sedang kita nikmati pada hari ini.

Dalam semua lapangan kehidupan kita hendaklah sentiasa insaf dan sedar bahawa kejayaan hari ini melalui perjuangan yang panjang dan sengit yang bermula daripada keinsafan sebagai satu bangsa.

Kerana kejayaan kita dalam pelbagai lapangan kehidupan itu, kita mula dihormati oleh bangsa lain di dunia. Tetapi jika kita mula alpa, kejayaan itu boleh lenyap pada bila-bila masa saja. Sejarah masa lalu sewajibnya menjadi pengajaran kepada masyarakat kita semua.

(END)